

CN - 13453

3/03
AssN : 601

**KAJIAN TERHADAP GEJALA PONTENG
KELAS DI KALANGAN PELAJAR
UiTM KAMPUS SARAWAK**

OLEH

AHMAD TARMIZI B. KEMERI	97402304
AWI ABANG	97402176
HAIRULL ANN BT. ALWIE	97348164

Kertas Projek Ini Dikemukakan Kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang

Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak sebagai Memenuhi

Sebahagian Daripada Keperluan Diploma Pentadbiran Awam

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
SURAT PENYERAHAN KERTAS PROJEK	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI GRAF	vii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Skop kajian	4
1.4 Konstren kajian	7
1.5 Objektif kajian	8
1.6 Kepentingan kajian	9
1.7 Hipotesis	10
BAB 2 TINJAUAN LITERATURE	
2.1 Masalah ponteng kelas secara umum	11
2.2 Punca berlakunya ponteng kelas	12
2.3 Kesan ponteng kelas	13
2.4 Cara-cara mengatasi ponteng kelas	13

ABSTRAK

Gejala ponteng kelas merupakan satu masalah yang membimbangkan banyak pihak. Umumnya, gejala ini bermula semenjak alam persekolahan lagi dan apabila tiada kesedaran wujud untuk berubah terhadap pelajar tersebut, amalan ini akan dibawa sehingga ke institusi pengajian. Walaupun pelbagai peraturan yang telah ditetapkan bagi mengatasi gejala ini terus berlaku, namun masih ada segelintir pelajar yang masih tidak sedar apa kesan yang akan dihadapi oleh mereka dan generasi seterusnya jika perkara ini tidak dibendung lagi.

Masalah ini semakin membimbangkan kerana majoriti pelajar yang terlibat dalam masalah ponteng ini rata-ratanya adalah golongan bumiputera. Sekiranya masalah ini tidak dapat dikurangkan, ini akan mengurangkan kadar graduan-graduan dari universiti kerana ketinggalan dari segi ilmu yang diikuti ketika di universiti.

Seharusnya sebagai seorang pelajar, mereka harus sedar akan tanggungjawab yang mereka harus sedar akan tanggungjawab yang mereka pikul kerana masa depan negara terletak ditangan mereka. Oleh itu, antara sebab utama kajian ini dibuat sebagai rujukan kepada "gejala ponteng kelas dikalangan siswa-siswi UiTM kampus Samarahan" sebagai iktibar dan kesedaran untuk semua.

Untuk skop kajian pula, ia meliputi gejala ponteng di UiTM kampus Samarahan dan objektif kajian ini adalah untuk mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan kemerosotan disiplin dikalangan pelajar, pengaruhnya terhadap tingkahlaku pelajar-pelajar yang terlibat, menilai, mengetahui keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Pentadbiran UiTM untuk membendung gejala ponteng kelas.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan kajian

Masalah ponteng kelas telah lama berlaku di mana-mana pusat pengajian awam mahupun swasta. Pada kebiasaannya masalah ponteng ini bermula dari sekolah lagi. Perkara yang amat membimbangkan sekarang kerana masalah ini semakin menular ke setiap Institusi Pengajian Tinggi Awam(IPTA) mahupun swasta (IPTS). Seperti yang kita sedia maklum, masalah menjadi semakin kritikal apabila purata pelajar yang tidak menghadiri kelas semakin meningkat. Malahan ia telah mendatangkan kesan yang negatif terhadap pelajar itu sendiri.

Walaupun ponteng kelas telah biasa kita dengar, namun ia adalah stau fenomena yang sukar difahami dengan jelas apatah lagi untuk di bendung. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, pelbagai kegiatan telah dilakukan semata-mata untuk mengurangkan masalah ini dari terus menular namun masalah ini masih belum dapat diselesaikan.

Oleh itu, untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai masalah ponteng kelas ini, terlebih dahulu kita perlu menyelami hingga ke akar umbi tentang faktor-faktor yang menolak dan menarik pelajar untuk ponteng kelas. Dalam usaha kerajaan untuk menyemai ilmu kepada pelajar supaya mereka dapat berbakti kepada negara di kemudian hari mungkin tidak tercapai sekiranya masalah ponteng kelas ini semakin serius.

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.1 Masalah ponteng kelas secara am

Ponteng kelas merupakan satu masalah dalaman yang sering dihadapi oleh mana-mana institusi pengajian. Masalah sering mendapat perhatian kerana kesannya yang amat ketara pada masa depan kelak. Ia turut mempengaruhi dan memberi kesan negatif terhadap tahap kemampuan intitusi tersebut dalam menghasilkan graduan yang cemerlang.

Dalam memahami erti kata sebenar masalah ponteng dapat dimaksudkan dalam definisi yang diberikan oleh kamus Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai lari dari tanggungjawab tanpa kebenaran. Maka dengan ini, dapat ditakrifkan ponteng kelas sebagai perlakuan lari dari tanggungjawab yang diberikan kepada pelajar tersebut seperti menuntut ilmu dan tugas yang lain sebagai seorang pelajar demi masa depan. Lebih-lebih lagi, apabila pelajar tersebut dengan sengaja ponteng kelas tanpa sebarang sebab atau alasan yang munasabah dan mendapat kebenaran untuk berbuat demikian.